

Bahasa Melayu sebagai Konsep Kenegaraan, Perpaduan dan Kemajuan

Oleh JEWELLARY BUMPOH

Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, sejurus selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Bahasa merupakan jiwa dan wadah kepada masyarakat yang menuturkannya serta alat kemajuan bangsa. Bahasa Melayu merupakan *lingua franca* yang dituturkan oleh rakyat Tanah Melayu sejak zaman pemerintahan awal Portugis pada tahun 1511 sehingga kini. Legasi ini terus menjadi fenomena yang memperlihatkan bahasa ini kekal menjadi *lingua franca* pada zaman pemerintahan Belanda dan Inggeris. Namun demikian, penjajah lebih gemar untuk bertutur dalam bahasa tempatan, iaitu bahasa Melayu. Bahasa ini menjadi bahasa diplomatik pilihan utama yang digunakan dalam urusan surat-menyurat rasmi antara penjajah dengan pemerintah Melayu pada zaman itu.

Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, sejurus selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Setelah 61 tahun merdeka, kedudukan bahasa Melayu kelihatan masih gah sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Walau bagaimanapun, bahasa lain masih boleh digunakan, dipelajari, dan dikembangkan atas dasar kepelbagaian kaum dan etnik rakyatnya. Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, dalam Wacana Pemertabatan Bahasa Kebangsaan Bertemakan Bahasa Asas Jati Diri Bangsa di Muzium Negara, menyatakan bahawa "bahasa Melayu merupakan bahasa negara yang

mendukung dua peranan, iaitu sebagai bahasa kebangsaan yang mewakili semua rakyat Malaysia di samping menjadi bahasa rasmi negara yang perlu digunakan dalam segala urusan kerajaan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk memartabatkannya."

Malaysia juga semakin membangun dalam kepesatan ekonomi dan teknologi tinggi yang membolehkan rakyat untuk mengetahui perkembangan isu semasa dunia pada masa ini. Kekayaan dari segi sumber gas asli, pertanian, dan khazanah alam menjadikan negara ini sebagai tarikan utama pelancong asing. Perpaduan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan etnik juga menjadi satu daripada faktor sampingan yang turut menyumbang kepada pembangunan negara dan menjadi kunci utama keutuhan kemerdekaan.

Namun demikian, kedudukan bahasa Melayu semakin goyah, seperti telur di hujung tanduk, dan tidak selari dengan kepesatan ekonomi dan teknologi tinggi yang ada di negaranya. Satu daripada sebabnya ialah penggunaan bahasa *Malaylish* (Malaysia English) semakin meningkat, terutama dalam golongan pemimpin, penjawat awam, kakitangan swasta dan remaja. Amat sukar untuk menemukan rakyat Malaysia yang benar-benar menuturkan atau menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, baik dalam urusan pekerjaan (sektor awam atau swasta), kegiatan harian ataupun media sosial, seperti Facebook, Twitter, Instagram dan blog. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj berkata bahawa bahasa kebangsaan dianggap sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka dan tidak seharusnya dikorbankan atas nama pembangunan dan kemajuan. Hal ini dikatakan demikian kerana

Penutur bahasa Melayu juga merupakan pemusnah yang mempermainkan kualiti bahasa itu dalam pelbagai perkara dan seterusnya diperlekehkan oleh segelintir pemimpin dan masyarakat. Hasan Baseri Budiman berkata bahawa "rata-rata mereka (rakyat) masih menganggap bahasa Melayu bukannya bahasa mercu tanda dan bahasa kejayaan yang dapat dijadikan sebagai produk kebangsaan Malaysia."

kemajuan yang hakiki turut meliputi keupayaan kita untuk maju dalam bahasa dan landasan budaya kita sendiri.

Penutur bahasa Melayu juga merupakan pemusnah yang mempermainkan kualiti bahasa itu dalam pelbagai perkara dan seterusnya diperlekehkan oleh segelintir pemimpin dan masyarakat. Hasan Baseri Budiman berkata bahawa "rata-rata mereka (rakyat) masih menganggap bahasa Melayu bukannya bahasa mercu tanda dan bahasa kejayaan yang dapat dijadikan sebagai produk kebangsaan Malaysia." Daripada petikan ini, dapat dikatakan bahawa kualiti bahasa Melayu sering dipandang rendah oleh rakyat yang masih jahil dan degil.

Hal ini berbeza daripada negara lain, seperti Indonesia, yang menetapkan bahawa bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ialah bahasa Indonesia. Rakyat Indonesia wajib menuturkan bahasa Indonesia walaupun mereka berbeza kaum, baik dalam urusan pekerjaan mahupun komunikasi harian. Melalui strategi sebegini, kita dapat mengetahui bahawa pemimpin negara itu, dari dahulu sehingga sekarang, mempunyai wawasan yang tinggi dan tetap menjaga

kualiti negara, termasuklah bahasanya. Sehingga kini, kita masih melihat dan mendengar versi bahasa Indonesia dalam drama atau sinetron yang ditayangkan oleh televisyen di negara ini. Hal ini membuktikan bahawa kepesatan teknologi semasa dan pengaruh bahasa asing bukanlah penghalang bagi mereka untuk menjaga dan mengekalkan kualiti bahasa ibunda mereka.

Keupayaan bahasa Melayu dalam kedudukannya sebagai bahasa rasmi mempunyai ruang lingkup yang sempit dan terhad. Perkara ini merupakan penyebab utama bahasa Melayu sukar untuk dikembangkan. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran kerajaan pusat, kerajaan negeri dan agensi kerajaan. Ada juga jabatan kerajaan yang kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam urusannya. Sektor swasta pula lebih suka untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi mereka.

Datuk Ibrahim Ismail menyatakan bahawa "penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi diabaikan, terutama di jabatan kerajaan sendiri. Lebih

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956 bagi menjaga khazanah bahasa Melayu dan masih beroperasi sehingga sekarang. Mulai hari tersebut, bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa saintifik moden atau bahasa ilmu.

Matematik di bawah pelaksanaan Dual Language Program (DLP). Darpada kajian, rata-rata pelajar sekolah bandar cenderung untuk memilih penggunaan bahasa Inggeris dalam kedua-dua subjek ini berbanding dengan pelajar sekolah luar bandar yang lebih selesa untuk menggunakan bahasa Melayu. Kesan ketidaksamarataan ini menjejaskan kualiti bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Malaysia.

Pemerintah Singapura memilih bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menetapkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Bahasa Inggeris digunakan untuk tujuan rasmi dalam urusan pentadbiran, perundangan dan pendidikan negara. Bahasa Melayu, bahasa Cina, dan bahasa India pula diangkat sebagai bahasa kebangsaan di Singapura dan tidak semestinya wajib digunakan kerana rakyatnya terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India.

Walaupun bagaimanapun, pemerintah Singapura menetapkan dan menyeru anak Melayu yang bersekolah di Singapura agar wajib lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, terutama dalam peperiksaan O Level. Sekiranya gagal, mereka tidak boleh memasuki mana-mana institusi pengajian tinggi awam di negara itu. Namun demikian, usaha tersebut hanyalah satu daripada syarat utama dan bahasa Inggeris tetap digunakan, dan majoriti rakyatnya memang fasih berbahasa Inggeris.


Dari tahun 1957 sehingga 1967, terdapat dua bahasa yang menjadi bahasa rasmi di Malaysia, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Kedua-dua bahasa ini menjadi bahasa diplomatik yang digunakan oleh pemimpin dan anggota kabinet lain bagi melaksanakan

urusan negara, perundangan dan sebagainya. Pada tahun 1967 dan 1970, akta ini dipinda dan ditetapkan bahawa bahasa Melayu sahaja menjadi bahasa rasmi. Bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa rasmi. Tulisan rumi juga diiktiraf sebagai tulisan rasmi di Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956 bagi menjaga khazanah bahasa Melayu dan masih beroperasi sehingga sekarang. Mulai hari tersebut, bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa saintifik moden atau bahasa ilmu. Hal ini bermaksud bahawa bahasa ini mampu untuk mengungkapkan sesuatu yang abstrak atau konkrit.

Namun demikian, masih ada pihak yang meragui kemampuan bahasa Melayu tambahan pula bahasa ini sekarang sudah tidak lagi wajib digunakan atau dituturkan di mana-mana institusi, terutama sektor swasta dan universiti swasta. Sungguhpun begitu, bahasa Melayu, tulisan jawi, dan lambang negara Malaysia masih dimanfaatkan dalam aset negara, seperti pasport antarabangsa, setem dan mata wang. Walaupun kecil dan tidak penting, aset ini tidak menunjukkan bahawa inilah bahasa Melayu kita yang ditulis dalam bentuk rumi, pengenalan terhadap tulisan jawi, dan bunga raya sebagai lambang bunga kebangsaan negara.

Sememangnya bahasa Melayu kini dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam agensi kerajaan dan sekolah, tetapi jika dilihat dari segi realiti, pelaksanaan sebenar gagasan ini masih belum cukup untuk dibanggakan. Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan turut menyatakan bahawa "ada banyak penutur bahasa Melayu dalam dunia korporat dan jabatan kerajaan, dan mereka



Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong.

hanya melangsungkan amalan menggunakan 'bahasa Melayu kampung' yang tidak membawa impak hormat yang diperlukan". Pernyataannya ini jelas menerangkan situasi penggunaan bahasa Melayu dalam sektor awam dan sektor swasta yang langsung tidak melahirkan rasa kemegahan penuturnya apabila berkomunikasi dalam bahasa ini.

Banyak negara luar yang dapat kita jadikan sebagai teladan bagi memupuk penggunaan bahasa ibunda mereka, seperti Jepun dan Korea. Sebagai contoh, Jepun maju dari segi ekonomi dan telah bangkit daripada penderitaan yang dialami sewaktu peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Negara itu bukan sahaja berjaya bangkit dalam tempoh yang singkat, malah mampu untuk mendaulatkan bahasa ibunda sebagai teras penyatuan dan kemajuan negara. Hal ini sama juga dengan Korea yang pernah menderita sebagai akibat peperangan dan kini negara tersebut menjadi negara maju dalam pelbagai sektor. Oleh itu,

kemajuan negara bukan sahaja bergantung pada alat teknologi yang canggih, malah bahasa negara juga sedikit banyak dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan negara itu.

Selain menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu dilihat berfungsi sebagai alat perpaduan. Dalam Penyata Razak 1956, tercatat bahawa bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah rendah kebangsaan sahaja. Penyata ini juga menyatakan bahawa bahasa Melayu dapat digunakan sebagai satu unsur yang dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa di Malaysia.

Penyata Razak 1956 merupakan cadangan pendidikan yang ditulis sebagai satu daripada usaha bagi membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Nama laporan ini diambil bersempena dengan nama Menteri Pelajaran, Tun Abdul Razak Hussain. Matlamatnya ialah membentuk sistem pendidikan di Tanah Melayu semula. Laporan ini digabungkan dalam Seksyen

3 Ordinan Pelajaran 1957 untuk membekalkan asas kepada rangka pelajaran atau kemerdekaan Tanah Melayu yang akhirnya dikenali sebagai Malaysia.

Laporan Razak bertitik tolak daripada Laporan Barnes (digemari oleh orang Melayu) dan Laporan Fenn-Wu (digemari oleh orang Cina dan India). Antara perkara penting yang dicadangkan termasuklah mewujudkan dua jenis sekolah rendah, iaitu sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan. Laporan Barnes diserahkan kepada undang-undang sebagai Ordinan Pelajaran 1957. Apabila Laporan Razak mengetengahkan bahasa Melayu sebagai medium bahasa yang utama dalam pengajaran, hal ini juga membenarkan pengkelan penggunaan medium bahasa yang lain di sekolah tersebut, seperti bahasa Cina dan bahasa India, pada ketika itu.

Terdapat beberapa tugas yang perlu dilakukan oleh Penyata Razak 1956. Yang pertama, membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang



Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan.

sesuai dengan aspirasi untuk menyatupadukan penduduk berbilang bangsa. Yang kedua, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Yang ketiga, menjaga perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum lain. Yang keempat, mengkaji Ordinan Pelajaran 1952 dan membuat pindaan yang perlu.

Pada zaman dahulu, bahasa memang dapat digunakan untuk menyatupadukan kaum. Di China, Maharaja Shih Huang Ti menggunakan bahasa Cina untuk menyatupadukan puluhan ribu rakyat bagi membina dan mengukuhkan empayar dinasti Chin. Maharaja Shih Huang Ti ialah pengasas dinasti itu pada tahun 221 S. M. Namanya sendiri bermaksud "maharaja pertama". Gelaran ini menunjukkan kuasa dan karisma raja yang dianggap

sebagai *the great king* dan *the king of kings*. Maharaja Shih Huang Ti mempunyai kuasa tertinggi dalam sumber undang-undang, ketua kerajaan, ketua hakim dan ketua agama.

Selain itu, di China juga, terdapat banyak suku kaum yang menuturkan pelbagai dialek Cina yang berbeza. Oleh itu, Maharaja Shih Huang Ti menetapkan dan menggunakan sistem tulisan dan bahasa yang seragam supaya penyatuan rakyat berlaku. Misalnya, setelah berjaya menguasai keseluruhan wilayah China, baginda akhirnya memberikan satu negara, satu bahasa, dan satu bangsa kepada wilayah yang ditakluknya. Negara itu disebut sebagai China kerana bangsa rajanya merupakan bangsa Chin. Baginda menetapkan bahawa bahasa rasmi negara itu

ialah bahasa Mandarin. Mereka boleh bertutur dalam dialek masing-masing, tetapi bahasa Mandarin dapat menyatukan mereka yang berasal dari berbagai-bagai wilayah.

Pada zaman moden, Jerman dan Itali menggunakan bahasa ibunda untuk menyatupadukan rakyat. Indonesia sendiri mempunyai banyak bahasa yang dituturkan oleh rakyatnya, seperti juga Thailand dan Filipina. Pada 28 Oktober 1928, dalam Sumpah Pemuda yang menentang Belanda, Indonesia menetapkan bahawa negara itu akan mengekalkan "satu bangsa = bangsa Indonesia", "satu bahasa = bahasa Indonesia", "satu negara = Republik Indonesia". Sumpah Pemuda ialah satu daripada tonggak utama dalam sejarah pergerakan kemerdekaan Indonesia. Ikrar ini dianggap

sebagai penghabluran semangat untuk menegaskan cita-cita berdirinya satu bangsa Indonesia.

Dasar pembentukan Indonesia juga bertitik tolak daripada proses asimilasi. Mereka yang berlainan kaum perlu disamakan bangsanya. Misalnya, nama mereka yang berlainan kaum perlu ditukarkan agar sama dengan rakyat tempatan supaya seragam dan melambangkan rakyat Indonesia. Oleh itu, melalui keseragaman seperti ini, perpaduan rakyat dapat dipupuk melalui bahasa, kaum dan negara. Indonesia gah sehingga kini dan rakyatnya sangat menjaga nilai bahasa Indonesia.

Bagi Malaysia pula, asas pembentukannya berdasarkan kemajmukan kaum. Proses asimilasi tidak berlaku di negara ini. Sebagai contoh, kaum Cina di Malaysia, terutama di Kelantan, Terengganu dan Melaka, menjadikan bahasa Hokkien sebagai *lingua franca* di negeri tersebut. Di Pahang, terutama di Kuantan, kaum Cina menjadikan bahasa Kantonis sebagai *lingua franca*. Sekarang kita dapat melihat bahawa bahasa Mandarin, yang dipelajari di sekolah Cina (sekolah jenis kebangsaan), dapat menyatupadukan kaum Cina dan mengelakkan berlakunya perseteruan, terutama dalam kalangan pelajar Cina.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Melalui fasal ini, kita dapat menafsirkan bahawa walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, bahasa ibunda, budaya, dan agama masing-masing masih boleh diamalkan dan tertakluk pada undang-undang negara.

Perpaduan rakyat Malaysia akan dipupuk apabila pelajar

memasuki alam sekolah menengah. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah ini. Hal ini berbeza daripada sekolah rendah, terutama sekolah jenis kebangsaan Cina dan India yang menjadikan bahasa Cina dan bahasa India sebagai bahasa pengantar. Melalui penggunaan bahasa Melayu, penyatuan antara kaum akan berlaku dan polarisasi kaum dapat diatasi apabila pelajar memasuki sekolah menengah.

Satu lagi cara untuk meningkatkan perpaduan rakyat Malaysia melalui bahasa adalah dengan mewujudkan sistem sekolah satu aliran. Untuk mewujudkan sekolah ini, kita perlu menyediakan satu wacana baharu supaya tujuannya jelas. Misalnya, contohlah Singapura yang telah mengamalkan sistem ini apabila tidak ada sekolah Cina dan mempunyai identiti sosial yang sama antara semua rakyat.

Yang kedua, sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan sekolah agama perlu dibubarkan supaya keseragaman dapat diwujudkan dan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar sepenuhnya dalam sekolah satu aliran ini. Yang ketiga, amalan yang berguna dari sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan sekolah agama perlu diserapkan dalam sekolah satu aliran ini. Sebagai contoh, amalan kemajuan akademik dari sekolah kebangsaan, keagamaan dari sekolah agama, dan kepelbagaian etnik dari sekolah jenis kebangsaan perlu diserapkan dalam sekolah ini. Sistem sekolah satu aliran ini mengamalkan sikap keterbukaan dengan mengambil kira pengekalan hal ehwal agama, budaya, dan bahasa ibunda


Akhir sekali, penstrukturan semula perlu dilakukan dalam sekolah satu aliran kerana hal ini menuntut pelbagai cabaran,


Satu lagi cara untuk meningkatkan perpaduan rakyat Malaysia melalui bahasa adalah dengan mewujudkan sistem sekolah satu aliran. Untuk mewujudkan sekolah ini, kita perlu menyediakan satu wacana baharu supaya tujuannya jelas.

terutama daripada kerajaan, badan bukan kerajaan serta ibu bapa. Di Malaysia pada hari ini, peluang untuk mewujudkan sistem sekolah satu aliran amat sempit kerana faktor politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan perkara ini supaya perpaduan rakyat dapat dipupuk melalui bahasa Melayu dan mempunyai identiti sosial yang sama seperti negara lain.

Sehubungan dengan itu, Dr. Teo juga mengangap bahawa sistem persekolahan pelbagai aliran ini melambatkan proses penyatuan rakyat Malaysia melalui wadah bahasa Melayu, khususnya golongan muda. Beliau juga sentiasa menyeru pemimpin dan orang ramai dalam mana-mana mesyuarat atau seminar supaya sama-sama bersatu untuk menyokong usaha pewujudan sekolah satu aliran. Dengan adanya sekolah satu aliran, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa negara dapat dijulung tinggi dan setaraf dengan bahasa dunia yang lain.

Maharaja Shih Huang Ti menggunakan bahasa untuk menyatukan rakyat China.





Bahasa ini dapat dilambungkan sebagai alat kemajuan dan memberikan sumbangan kepada negara. Kita sudah melihat perihal peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Bahasa kebangsaan merupakan alat perpaduan atau simbol yang membawa sifat nasionalisme kepada semua rakyat Malaysia.

Pada hakikatnya, perjuangan bahasa Melayu masih belum selesai sehingga hari ini. Masih banyak perkara yang perlu diusahakan supaya bahasa Melayu bukan sekadar menjadi bahasa kebangsaan dan memupuk perpaduan antara masyarakat majmuk. Bahasa ini dapat dilambungkan sebagai alat kemajuan dan memberikan perasaan bangga, sayang, dan taat kepada negara. Kita sudah melihat perihal peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Bahasa kebangsaan merupakan alat perpaduan atau simbol yang membawa sifat nasionalisme kepada semua rakyat Malaysia. Nasionalisme merujuk kepada semangat yang perlu dimiliki oleh masyarakat bagi membangunkan, membina, dan menggerakkan anak bangsa, terutama melalui bahasa Melayu.

Bahasa rasmi pula berfungsi sebagai alat kemajuan atau wajib digunakan oleh semua pihak apabila berurusan rasmi, sama ada dalam sektor kerajaan ataupun swasta.

Bagaimana bahasa Melayu dapat berfungsi sebagai alat kemajuan di negara ini? Jika dilihat status linguistik bahasa ini sekarang, bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa saintifik moden. Keupayaan modal linguistik bahasa Melayu dilihat dari dua aspek, iaitu korpus dan kelainan standard. Korpus merupakan bahan yang membina bahasa Melayu, seperti sistem ejaan, tulisan, kosa kata, istilah dan nahu. Semua bahan ini diletakkan dalam satu sistem yang terurus. Korpus bahasa Melayu ini dibina oleh DBP sejak penubuhannya.

Sistem ejaan rumi baharu Malaysia dan Indonesia dilancarkan pada 16 Ogos 1972. Dahulu wujud sistem ejaan

dalam penggunaan bagi huruf /e²/ dan /e/. Sebagai contoh, perkataan /se²mak/ dan /semak/ serta /re²ndang/ dan /rendang/. Kini sistem ejaan ini tidak lagi digunakan kerana masyarakat Melayu sendiri mudah keliru apabila menggunakan sistem ini dalam konteks yang betul. Sekiranya sistem ini masih digunakan sehingga kini, masyarakat akan senang untuk menggunakannya mengikut konteks dan tidak mengelirukan mereka. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengembalikan sistem ejaan ini ditolak oleh beberapa orang tokoh bahasa dan usaha ini terhenti begitu sahaja.

Bahasa moden, bahasa ilmu, atau bahasa saintifik merujuk bahasa yang mampu untuk mengungkapkan segala macam perkara, sama ada konkrit ataupun abstrak, atau mengungkapkan pelbagai bidang ilmu. Bahasa Melayu mempunyai kemampuan

tersendiri, tetapi banyak pihak yang tidak yakin dengan usaha yang dijalankan oleh beberapa orang pejuang bahasa Melayu. Sebagai contoh, Rusia menggunakan bahasa Rusia untuk mendidik anak bangsa dan negara ini terkenal dengan bidang astronomi. Jerman juga menggunakan bahasa sendiri untuk membangunkan industri automobil yang mengeluarkan pelbagai jenama kereta yang terkenal, seperti Mercedes-Benz, BMW, Porsche, Audi dan Volkswagen.

Sekiranya negara lain dapat membangunkan ekonominya dengan bahasa ibunda, apa kurangnya dengan Malaysia? Ketidakyakinan banyak pihak menyebabkan bahasa Melayu kurang digunakan dalam bidang perindustrian dan ekonomi kerana mereka cenderung untuk berurusan dalam bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana usia bahasa Melayu sangat muda berbanding dengan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu moden baru berusia 61 tahun sejak merdekanya Tanah Melayu.

Selain itu, pihak yang tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu mengatakan bahawa sistem pendidikan negara akan merudum jika bahasa ini digunakan sepenuhnya. Tuntutan seperti ini menyatakan bahawa bahasa Inggeris amat berguna, terutama dalam pendidikan sains dan teknologi, supaya dapat mewujudkan generasi yang dapat bersaing dan membangunkan negara. Selain bahasa Inggeris, bahasa Melayu juga dapat memberikan sumbangan kepada negara kerana negara ini sudah mempunyai korpus bahasa kebangsaan dan sistem ejaan rumi sendiri dapat meningkatkan kemajuan negara. Kita seharusnya bangga dengan pencapaian bahasa



Jerman menggunakan bahasa sendiri untuk membangunkan industri automobilya.

Melayu yang sudah diangkat sebagai bahasa saintifik moden pada masa ini.

Oleh itu, melalui beberapa kenyataan, kita mengetahui beberapa punca yang memudaratkan keadaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Kita juga telah melihat peranan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan dan kemajuan. Dengan adanya cadangan yang bernas itu, semua pihak dan masyarakat Malaysia dapat bersatu padu untuk memartabatkan bahasa Melayu. Perhatian dan sokongan padu daripada pemimpin negara pun amat diperlukan kerana nilai bahasa Melayu itu sendiri tidak boleh digantikan dengan nilai wang atau kemewahan alat teknologi semata-mata.

Jika dapat kita ingin mengembalikan zaman kegemilangan bahasa Melayu yang pernah menjadi

lingua franca sewaktu pemerintahan Portugis, Belanda dan Inggeris, biarlah bahasa Melayu diketengahkan sebagai satu daripada bahasa dunia yang gah, seperti bahasa Inggeris, dan tidak mustahil jika hal ini berlaku. Kata Datuk Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid dalam syarahan "Pembinaan Prinsip Perjuangan Bahasa", "Pelbagai bahasa dikuasai, bahasa kebangsaan tetap di hati."

Oleh itu, kita sepatutnya menyanjung tinggi nilai bahasa Melayu itu lebih daripada bahasa dunia yang lain. Yang diharapkan ialah supaya martabat bahasa Melayu dapat ditinggikan selayak-layaknya dan bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Sebagai rakyat Malaysia, sikap yang perlu ditanam dalam jiwa ialah menyayangi bahasa negara kita, iaitu bahasa Melayu. **DB**